



MUHAMAD AMIRUL RAZALI (duduk dua dari kanan) dan Imran Razalle (berdiri, dua dari kanan) bersama sebahagian pelajar institusi pengajian tinggi Malaysia yang menyertai simposium di Hong Kong, baru-baru ini.

Dua pelajar USIM ikuti simposium antarabangsa di Hong Kong

SEREMBAN 22 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mendapat pengiktirafan di peringkat global apabila dua orang pelajarinya terpilih untuk menyertai Simposium Kepimpinan Sarjana Universiti di Hong Kong baru-baru ini.

Dua pelajar berkenaan Muhammad Amirul Razali, 21 dan Imran Razalle, 21 merupakan penuntut Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM.

Mereka antara 876 delegasi yang merupakan penuntut institusi pengajian tinggi dari 57 negara seperti Indonesia, Jerman, Austria, China, Oman dan Brunei yang menyertai program selama tujuh hari awal Ogos lalu.

Simposium bertemakan Memperkayakan Mendidik Menyedar-

kan itu lebih berbentuk kepada pengisian akademik dengan 12 slot pembentangan oleh penceramah antarabangsa.

Muhamad Amirul memberitahu, Hong Kong mempunyai kawasan persekitaran yang bersih selain perkhidmatan pengangkutan awamnya yang sangat efisien dan diiktiraf oleh pelancong.

Jelasnya salah satu pengisian di sini ialah kami di bawa menyantuni orang-orang tua dan memberi bantuan ringan kepada mereka.

"Apa yang menariknya polisi kerajaan disana amat mengambil berat tentang kebajikan warga tua yang mana mereka berumur 70 tahun tahun.

"Kebiasaannya mereka bukan sahaja akan diberikan tempat tinggal secara percuma dan

wang belanja dalam sekitar HKD 1000 hingga 2000 (RM550 hingga RM1100) sebulan," katanya.

Pengalaman menarik bagi Imran pula ialah menjalankan aktiviti bersama etnik minoriti terbesar di Hong Kong melibatkan Indonesia, Pakistan, Nepal dan Korea yang diberikan taraf kerakyatan di sana.

"Saya bersama 47 orang peserta yang lain ditugaskan melaksanakan pelbagai pengisian bersama mereka antaranya eksplorasi kebudayaan etnik dan melukis bersama artis cilik mereka.

"Cabaran besar sepanjang di sana pastilah untuk mencari makanan halal dan jika ada sekalipun ianya agak jauh dari tempat kami menginap dan harganya dua kali ganda mahal berbanding di Malaysia" tambahnya lagi.